

**NO SOALAN : 20**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 14 NOV 2016  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan anggota tentera yang tidak berpencen, apakah usaha yang dilakukan untuk membela kebajikan mereka dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi " one off" RM1000 setiap tahun sebagai mengenang jasa mereka kepada negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, bilangan Veteran ATM yang tidak berpencen adalah seramai 160,442 orang.

Bagi Veteran ATM yang tidak berpencen mahupun berpencen, pelbagai usaha, langkah dan program telah diperkenalkan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di bawah *1Malaysia Veterans Recognition Programme* (1MVRP). Di bawah program ini, terdapat tiga (3) inisiatif untuk membantu Veteran ATM mendapatkan peluang kerjaya kedua iaitu Program Penempatan Kerja untuk Veteran, Program Bantuan Keusahawan, dan Program Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri.

Kerajaan melalui **PERHEBAT** menyediakan program khas iaitu Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV ATM TB) bagi membantu veteran ATM yang tidak berpencen meningkatkan sosio ekonomi mereka. Melalui program ini veteran tidak berpencen berpeluang untuk mengikuti latihan berbentuk kemahiran (*hardskill*) dan pengetahuan (*softskill*). Program bimbingan (*coaching*),

khidmat nasihat (*mentoring*) dan penyeliaan (*supervising*) juga turut diberi kepada veteran tidak berpencen mengikut keperluan.

Komitmen Kerajaan dalam membantu mendapatkan peluang kerjaya kedua adalah terbukti berkesan kerana sehingga kini Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah berjaya menjodohkan kerja kepada hampir 4,000 orang Veteran ATM.

Bagi cadangan pemberian "*one off*" sebanyak RM1000 setiap tahun kepada Veteran ATM Tidak Berpencen, ia pernah diberikan secara "*one off*" pada tahun 2012.